**عـامل.** 5 عامل ايت اياله اورڠ يغدبري توليه موڠوة دان منريما زكاة دان فطره درفد اورڠ٢ يڠ واجب برزكاة دان فطره ددالم كاوسن يغدتنتوكن ددالم توليهڽ دان يڠبرحق منريما سبهاݢين درفد زكاة دان فطره منورة حكوم اصنافڽ.

**ڤڠݢيلن عامل.** 6. (ا) ڤڠلولا دڠن ملالوءي ڤنولڠ٢ بوله ممنتا دري ڤڠهولو٢ اتو كتوا كمڤوڠ يڠ تياد ڤڠهولو نام٢ اورڠ اسلام يڠ باءيك٢ اد امانه اد مروءه دان تاهو حكوم٢ زكاة باݢي دڤيليه دجاديكن عامل زكاة.

(ب) اڤبيل اد تندا٢ كلايقكن سسئورڠ ايت منجادي عامل مك هندقله ڤنولڠ ڤڠلولا داءيره مڠاداكن ڤڤرقسان چارا برمولوت (انتربيو) ستله ايت ممباواكن اكواڽ باݢي ڤرستجوان ڤڠلولا باݢي دبري توليه.

(ت) ماس سسوات توليه ايت اياله 3 تاهون اكنتتاڤي بوله دڤنديقكن مساڽ جك دكهندقكي.

**كاوسن عامل.** 7. (ا) دمان تمڤة يڠ اد كمڤولن اورڠ اسلام بولهله داداكن سئورڠ عامل اتو ببراڤ عامل يڠ موڠوة زكاة دان فطره دتمڤة ايت.

(ب) كاوسن عامل ايت هندقله دتنتوكن اوله ڤڠلولا منورة شور٢ ڤنولڠ ڤڠلولا داءيره.

**جنيس زكاة.** 8. اداله جنيس٢ زكاة ايت اياله:

(1) زكاة هرت سيمڤانن (واڠ امس دان ڤيرق).

(2) زكاة تومبوهن٢.

(3) زكاة ڤرنيݢاءن.

(4) زكاة حيدوڤن٢.

(5) زكاة كالين (امس دان ڤيرق).

(5) زكاة فطره.

**زكاة هرت.**

9. زكاة هرت سيمڤانن يڠدمقصودكن دسيني اياله امس اتو ڤيرق يڠدسيمڤن اڤبيل چوكڤ نصاب دان سمڤي حولڽ واجبله زكاة، ترماسوقله ددالم بهاڬين اين سبارڠ جنيس واڠ قرطس.

**زكاة تمبوهن٢.**

10. زكاة تمبوهن٢ ايت اياله سڤرت ڤادي، ڬندوم، جاڬوڠ، كاچڠ هيجو دان كاچڠ سويا. ڤتاني٢ تمبوهن ايت واجب مڠلواركن زكاة اڤبيل چوكڤ نصاب.

**زكاة ڤرنياڬان.**

11. اورڠ٢ برنياݢ دان ممبلي دان منجوال بارڠ٢ ايت واجب مڠلواركن زكاة اڤبيل سمڤي حول دان چوكڤ نصابڽ.

**زكاة هيدوڤن٢.**

12. زكاة هيدوڤن٢ ايت اياله زكاة بناتڠ ترنق درڤد لمبو، كربو، بيري٢ دان كمبيڠ. اورڠ٢ مميليقكي ترنق اين واجبله برزكاة اڤبيل سمڤي حول دان چوكڤ نصابڽ.

**زكاة كالين.**

13. اورڠ٢ مميليك كالين امس اتو ڤيرق واجب مڠلواركن زكاة اڤبيل چوكڤ نصابڽ.

**زكاة فطره.**

14. (ا) زكاة فطره ايت اياله زكاة بدان كران ممبرسيهكن ديري، اتس تيڤ٢ اورڠ اسلام لاكي٢ ڤرمڤوان كچيل بسر يڠ اد بلنجا باكي ديريڽ دان تڠڬوڠنڽ يڠ مستحق ڤد مالم راي يڠڤرتام دان سيڠڽ واجبله مڠلواركن زكاة فطره ايت ستاهون سكالي دڠن اد حياة سبهاڬين يڠاخر رمضان دان اول شوال تاهون ايت.

(ب) زكاة فطره ايت اياله مكانن يڠ اد ذات بوله مڠنيڠكن (قوت) يڠبياس جادي مكانن اورڠ نڬري اين كتيك تياد ضرورة يأيت براس، باڽقڽ ساتو ڬنتڠ بغداد (زمان دهولو) يأيت تيڬ كاتي دوا بلس تاهيل (3.12/16 كاتي) تيمبڠن سكارڠ.

(ت) اورڠ٢ برفطره بوله برفطره دڠن واڠ هرڬ براس سباڬي ڬنتي براس دڠن قصد تقليد مذهب حنفي اتو تياد قصد اڤ٢ ممادا جوك دتريما دڠن واڠ ايت جادي فطره دان هرڬ ايت دتنتوكن اوله مجليس اوڬام اسلام دري سوات كسوات ماس.

15. نصاب زكاة دان ڤد واجبڽ ايت اداله سڤرت دباوه اين:

(1) هرت سيمڤانن امس برت 25 مايم 9 ساڬ زكاتڽ 2.1/2 ڤراتوس اتو هرڬاڽ.

(2) هرت سيمڤانن ڤيرق برت 183 مايم زكاتڽ 2.1/2 ڤراتوس اتو هرڬاڽ.

(3) متاواڠ سباڽق 25.73$ زكاتڽ 2.1/2 ڤراتوس يأيت 64.1/3 سين.

(4) تمبوهن٢:

(ا) ڤادي 400 ڬنتڠ نڬري اين زكاتڽ 1/10 يأيت 40 ڬنتڠ.

(ب) براس 200 ڬنتڠ نڬري اين زكاتڽ 1/10 يأيت 20 ڬنتڠ.

(ت) جاڬوڠ، كاچڠ هيجو دان كاچڠ سويا سڤرت براس.

(5) ڤرنياڬان دتقسير هرڬ بارڠ٢ يڠاد اخير تاهون، واڠ دالم تاڠن، واڠ دالم بڠك دان هوتڠ٢ دالم تاڠن اورڠ (جك اد هارڤن بيارنڽ) دچمڤوركن سموا سكالي جك سمڤي جملهڽ 25.73$ واجب زكاتڽ 2.1/2 ڤراتوس يأيت 64.1/3 سين.

(6) هيدوڤن٢:

(ا) لمبو دان/اتو كربو.

دري 30 هڠڬ 39 ايكور زكاتڽ سئيكور تبيع (انق لمبو اتو كربو برعمر ستاهون)
دري 40 هڠڬ 59 ايكور زكاتڽ سئيكور مسنه (انق لمبو اتو كربو برعمر 2 تاهون)
دري 60 هڠڬ 69 ايكور زكاتڽ 2 ايكور تبيع.
دري 70 هڠڬ 89 ايكور زكاتڽ 1 تبيع دان 1 مسنه.
دري 90 هڠڬ 119 ايكور زكاتڽ 3 تبيع.
ڤد 120 ايكور زكاتڽ 4 تبيع اتو 3 مسنه.
كمدين يڠ لبه درڤد ايت دكيرا دڠن دبهاڬي تيڤ٢ 30 ايكور 1 تبيع دان تيڤ٢ 40 ايكور 1 مسنه.

(ب) بيري٢ دان/اتو كمبيڠ.

دري 40 هڠڬ 120 ايكور زكاتڽ سئيكور جذعة ضأن (انق٢ بيري٢ برعمر ستاهون) اتو ثنية معز (انق كمبيڠ برعمر 2 تاهون).
دري 121 هڠڬ 200 ايكور زكاتڽ 2 ايكور جذعة ضأن اتو ثنية معز.
دري 201 هڠڬ 399 ايكور زكاتڽ تيڬ جذعة ضأن اتو ثنية معز.
ڤد 400 ايكور زكاتڽ امڤت ايكور جذعة ضأن اتو ثنية معز.
كمدين سبراڤ يڠ لبه درڤد يڠترسبوة ايت هندقله دهيتوڠ تيڤ٢ 100 ايكور زكاتڽ سئيكور جذعة ضأن اتو ثنية معز.

(7) كالين امس اتو ڤيرق سڤرت هرت سيمڤانن امس اتو ڤيرق.

**چارا٢ ڤوڠوتن زكاة.**

16. (ا) چارا٢ منجالنكن ڤوڠوتن زكاة دان فطره مك عامل هندقله ممبوات:

(1) دفتر نام ڤندودق٢ ددالم كاواسنڽ.

(2) دفتر نام اورڠ يڠ برنياݢ ددالم كاواسنڽ.

No. 75—(*cont.*)

(3) دفتر نام اورڠ يڠ برساوه دان برتانم تومبوهن٢ ددالم كاواسنڽ.

(4) دفتر نام اورڠ يڠ برترنق لمبو، كربو، بيري٢ دان كمبيڠ ددالم كاواسنڽ.

(5) دفتر نام٢ اورڠ يڠ برلمبوڠ امس اتو ڤيرق ددالم كاواسنڽ.

(ب) ڤرايڠاتن٢ ڤوڠوتن زكاة دان فطره ايت ملالوءي فورم٢:

(1) جدوال (ا) فورم بنچي.
(2) ،، (ب) فورم ڤڠاكوان اتو اقرار جنيس زكاة.
(3) ،، (ت) فورم كتتاڤن زكاة.
(4) ،، (ث) فورم نام٢ اورڠ يڠ مڠلواركن زكاة فطره.
(5) ،، (ج) فورم كيتاڤن فطره ڤوڠوتن عامل٢.
(6) ،، (چ) فورم فقير، مسكين دان عامل.
(7) ،، (ح) فورم اورڠ يڠ تياد برفطره.
(8) ،، (خ) رسيد فطره دڠن براس.
(9) ،، (د) رسيد فطره دڠن واڠ.
(10) ،، (ذ) رسيد زكاة يڠلاءين٢.

**ميمڤن ڤرايڠاتن.**

17. (ا) ڤجابة ڤنولڠ ڤڠلولا-دايره هندقله ميمڤن ڤريڠة سڤرت دباوه اين:

(1) فورم بنچي اورڠ اسلام يڠدكمڤولكن اوله عامل٢ سرت دڠن ڤهرستڽ.

(2) دفتر عامل٢.

(ب) ڤجابة ستياوسها هندقله ميمڤن ڤهرسة باݢي (1) دان دفتر باݢي (2) سلوروه ملاك.

**بنچي دان مسـاٰن.**

18. بنچي هندقله دجالنكن اوله عامل تيڤ٢ تيڠ تاهون سكالي بكيمان جدوال (1) سبلوم رمضان تاهون ايت، ستله دتوليس دڠن بتول ساتو ساليننن هندقله دهنتركن كڤجابة زكاة دايره دان ڤنولڠ ڤڠلولا زكاة دايره اكن مهنتركن سوات ڤيات منچوكن جمله ڤندودق اسلام ددالم دايرهڽ كڤد ستياوسها زكاة دملاك.

**فورم اقرار دهنتر كڤد اورڠ يڠ مڤوڽاي هرت.**

19. ڤڠاكوان اتو اقرار بكيمان دالم جدوال (ب) هندقله دهنتركن كڤد اورڠ٢ يڠ مڤوڽاي هرت دالم بولن جنواري تيڤ٢ تاهون اوله ڤجابة زكاة دايره ملالوءي عامل٢، اورڠ٢ منريما جدوال ايت هندقله مڠيسي دڠن بتول دان مڠهنتركن باليق كڤجابة زكاة ايت دالم تيمڤوه 30 هاري دري تاريخ اي منريما جدوال ايت.

**منتوكن قدر زكاة.**

20. ڤنولڠ ڤڠلولا زكاة اكن منتوكن قدر زكاة يڠ واجب دباير منورة جدوال (ت) دان يڠ امڤوڽاي هرت ايت هندقله مبرهكن زكاتڽ كڤد عامل كاواسنڽ دالم تيمڤوه 30 هاري دري تاريخ اي منريما جدوال ايت.

**منتوكن سياڤ منريما بياران زكاة دان فطره.**

21. سموا زكاة دان فطره يڠتله دتنتوكن سڤرت دأتس اين هندقله دباير كڤد عامل يڠدبري توليا ممڤوڠوة دان منريما زكاة دان فطره باݢي كاوسن يڠدتنتوكن ددالم تولياهڽ ايت.

**مستحق الزكاة.**

22. (ا) مستحق الزكاة دلاڤن اصناف منورة نص ددالم قران:

(1) فقرا (فقير)
(2) مساكين (مسكين)
(3) موءلفين (موءلف٢)
(4) غارمين (اورڠ٢ يڠ برهوتڠ)
(5) ابن السبيل (اورڠ٢ مسافير)
(6) عاملين (ڤموڠوة٢ زكاة)
(7) مكاتبين (همب٢ يڠ منبوس ديري)
(8) مجاهدين (اورڠ٢ يڠ برڤرڠ سبيل)

اوله سبب مكاتبين دان مجاهدين تيدق اد ددالم نكري اين منورة فتوى مفتي، مك مستحق زكاة ايت دبهاݢي كڤد 6 اصناف سهاج يأيت دري بيلاڠن (1) هڠݢ (6).

(ب) فقير ايت اورڠ يڠ تياد هرت دان تياد ڤراوسهاءن اتو اد تتاڤي تياد منچوكوڤي 50 ڤراتوس تڠݢوڠنڽ يڠواجب منورة كادار يڠ مناسبه سكاليڤون اد مڤوڽاي روم تمڤة كديامن ڤد ماس عامل ممبهاݢي زكاة.

(ت) مسكين ايت اورڠ يڠ اد هرت اتو ڤراوسهاءن يڠ منچوكوڤي سقدر 50 ڤراتوس سكاليڤون اد روم تمڤة كديامن ڤد ماس عامل ممبهاݢي زكاة.

(ث) موءلف ايت اورڠ يڠ منيڠݢلكن اݢامڽ ماسوق اݢام اسلام، كادأنڽ ماسيه بلوم مسرا دڠن اورڠ اسلام اتو لمه ايمانڽ سكيرا٢ جك دبري درڤد زكاة نسچاي بأيك مشاركتڽ دڠن اسلام اتو برتمبه قواة ايمانڽ، اتو ايمانڽ سوده قواة تتاڤي اد ڤڠاروه سكيرا٢ دبري درڤد زكاة نسچاي اد هارڤن يڠلاءين تورة ماسوق اسلام.

4

No. 75—*(cont.)*

(ج) غارم ايت اورغ يڠ ترهوتڠ بوكن كران معصية دان اي تياد ترباير.

(ج) ابن السبيل اورغ مسافر ملالوءي نكري اين ڤد حال اي كڤوتوسن تمبڠ اتو بلنجا ماكن، دمكين جوا اورغ يڠ هندق مولاءي مسافر درڤد نكري اين دڠن كاداءنڽ برحاجة.

(ح) عامل اين اورغ يڠ برتوليه مموڠوت دان منريما زكاة.

23. حول ايت حكمڽ دكيرا مڠيكوة تاريخ مولا نية هرت ايت هندق دسيمڤن اتو مولا دجاديكن ڤرنيكاان اتو مولا برترنق دان كنڤله حول ايت اڤكل سمڤي تاريخ هاري مولا ڤد تاهون يڠبرايكوة كمدينڽ منورة كيرا٢ تاهون هجري اومڤام سنورڠ مولا نية هندق مڽيمڤن هرتاڽ ڤد 15 شعبان، 1377، مك سمڤيله حولڽ ڤد 14 شعبان، 1378، مجليس اوݢام اسلام مننتوكن اخير تاهون زكاة ڤد 31 دسيمبر تيڤ٢ تاهون مسيحي.

زكاة دبهاݢي 6 بهاݢين.

24. سكل جنيس زكاة دان فطره هندقله دبهاݢي منورة اصنافڽ ستله دكيرا دڠن بتول بوليهله عامل ممبهاݢي دان مڽمڤيكن كڤد اصناف فقير، مسكين دان عامل سنديري، مك باقي بهاݢين 3 اصناف يڠلاءين ايت هندقله عامل مڽرهكن كڤجابة زكاة داءيرهڽ دالم تيمڤوه 10 هاري دري تاريخ اي منريماڽ.

بهاݢين زكاة تمبوهن.

25. بهاݢين تيݢ اصناف (فقير، مسكين دان عامل) درڤد زكاة تمبوهن٢ عامل دبري ڤيليه انتارا مڽمڤيكن عين تمبوهن٢ ايت كڤد مريك اتو منجوالكن دڠن سبنر دان دبهاݢيكن واڠڽ سهاج، ادڤون بهاݢين تيݢ لاݢي (غارم، ابن السبيل، دان موءلف) هندقله دجوال كسموا سكالي دان هرݢاڽ يڠبنر دسرهكن كڤجابة مجليس اوݢام اسلام.

ڤمبهاݢين زكاة بناتڠ.

26. زكاة بناتڠ ترنق ترڤقساله دجوال كسموا سكالي دان دبهاݢيكن هرݢاڽ سهاج.

تمبڠ كنايقكن عامل.

27. تمبڠ كنايقكن دان يڠ مناسبه باݢي عامل٢ داتڠ كڤجابة زكاة داءيره كران مڠمبيل رسيد٢ دان فورم٢ فطره بولهله دڤوتڠ درڤد جمله سموا ڤوڠوتن فطره تمبڠ دان بلنجا يڠ مناسبه كران مڽرهكن بهاݢين ڤجابة دڤوتڠ درڤد جمله بهاݢين تيݢ اصناف يڠباقي، ڤنولڠ ڤڠلولا داءيره هندقله منيڠوقكن تمبڠ٢ يڠدتنتوة ايت اداله منسابه.

ڤرموهنن بهاݢين موءلف غارم دان ابن السبيل.

28. تيڤ٢ ڤرموهنن دري بهاݢين موءلف، غرم دان ابن السبيل هندقله دڤربوات ملالوءي ڤنولڠ ڤڠلولا زكاة داءيره دان اي اكن ممباواكن ڤرمهونن ايت كڤد ڤڠلولا زكاة دملاك، جك ڤرموهنن ايت مستحق دالم تيمباڠن ڤڠلولا بوليهله اي ملولسكن تيدق لبه درڤد 50$ دان يڠلبه درڤد ايت هندقله دباواكن باݢي تيمباڠن مجليس اوݢام اسلام، ڤنولڠ ڤڠلولا بوله ملولسكن ڤرموهنن تيدق لبه درڤد 10$.

بياران دڠن بوچر ڤندهولوان.

29. سموا بياران دري كمڤولن واڠ زكاة هندقله دليڤوتي دڠن بوچر.

30. دڤجابة ستياوسها زكاة دملاك دان ڤجابة ڤنولڠ ڤڠلولا بولهله دبنركن مڽيمڤن ڤندهولوان درڤد كمڤولن واڠ زكاة يڠ دتنتوكن اوله مجليس اوݢام اسلام.

31. بلنجا٢ كران منتدبيركن ڤكرجاان زكاة دان فطره بوله دكلواركن درڤد كمڤولن واڠ زكاة دان فطره دڠن ڤرستجوان مجليس اوݢام اسلام.

32. سسياڤ يڠ ملڠݢر شيقشين 19، 20 دان 21 ڤراتوران اين اداله دصيفتكن سباݢي تلهملاكوكن سوات كسلاهن دباوه شيقشين 163 چراين (1) اوندڠ٢ ڤرتدبيران حكم شرع تاهون 1959 دان ددعوا دهداڤن محكمه قاضي اتس كسلاهنڽ ايت.

Bilangan: .............

Borang (B)

KERAJAAN NEGERI MELAKA

ZAKAT DAN FITRAH

Pemberitahu di bawah fasal (19) Peraturan menjalankan kerja Pungutan Zakat
(Warta Kerajaan Bil: (75) tarikh 26hb. April, 1962)

Bagi Tahun: ...........

Kepada: ..............................

..............................

Mengikut Peraturan Zakat dan Fitrah yang di atas ini tuan adalah dikehendaki mengisi Borang yang di bawah ini dan mengembalikannya ke Pejabat Ugama Islam, Negeri Melaka dalam tempuh 30 hari dari tarikh surat ini.

Tarikh: ...................

...........................
Pengelola Zakat
Yang Dipertua
Majlis Ugama Islam, Melaka

INGATAN:

(a) Majlis Ugama Islam telah menentukan cukup hul tahun Zakat pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun Masehi mulai 31hb. Disember, 1962.

(b) Sesiapa yang melanggar kehendak-kehendak Peraturan ini adalah disifatkan sebagai telah melakukan suatu kesalahan di bawah fasal (163) Undang-Undang Pertadbirang Hukum Syara' Bil: (1/59) dan boleh dihukum.

(c) Jika tiada nisab Zakat mana-mana satu tulislah perkataan "tiada" pada ruangan-ruangan itu.

---

Kepada Pengelola Zakat dan Fitrah,
Negeri Melaka,
dengan kesejahteraannya.

Saya ....................... Alamat ................. dengan ini mengaku iaitu saya wajib membayar Zakat diatas harta benda yang telah cukup hulnya seperti di bawah ini:-

1. HARTA

(a) Wang tunai sebanyak $.........

(b) Emas (selain dari pakaian) atau harganya $.........

(c) Perak (selain dari pakaian) atau harganya $.........

2. PERNIAGAAN

(a) Harga barang-barang dalam simpanan berjumlah $.........

(b) Wang tunai dalam tangan berjumlah $.........

(c) Wang tunai dalam Bank berjumlah $.........

(d) Hutang-hutang dalam tangan orang yang boleh didapatkan bayarannya berjumlah $.........

3. HIDUPAN-HIDUPAN

(a) Kerbau sebanyak ............. ekor

(b) Lembu sebanyak .............. ekor

(c) Biri-biri sebanyak .......... ekor

(d) Kambing sebanyak ........... ekor

Tandatangan: ........................

Alamat: ............................
............................
............................
............................

Tarikh: ........................

APPENDIK 20

Kandungan (3)dlm.PUI(M) 33/59

Majlis Ugama Islam
Melaka

BAITUL - MAL

Menurut fasal 89 (i) Undang-Undang Pertadbiran Hukum Syara' (Undang-Undang Bil.1/59) Majlis Ugama Islam hendaklah menjalankan pungutan Wang Baitul-Mal yang akan menjadi sebahagian daripada kumpulan Wang Pertadbiran 'Am yang dikawal dan ditadbirkan oleh Majlis Ugama Islam. Permulaan.

Adapun Wang Baitul-Mal ini datangnya daripada harta orang-orang Islam yang mati didalam keadaan bahawa, menurut syarat-syarat Hukum Syara' hartanya atau sebahagian daripadanya, terserah atau kena dibayar kepada Baitul-Mal. Maka harta yang seperti itu menurut syarat-syarat yang berikutan ini hendaklah terserah dan kena dibayar kepada Baitul-Mal dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Pertadbiran 'Am bagi Majlis Ugama Islam.

Bahawa dengan ini Majlis Ugama Islam mengesyorkan supaya pungutan Wang Baitul-Mal itu dijalankan di Negeri ini dan peraturan-peraturan ini adalah diperbuat menurut kuatkuasa 169 (g) Undang-Undang tersebut.

Peraturan Baitul-Mal

1. Bahawa peraturan ini dinamakan "Peraturan Baitul-Mal" dan diadakan dibawah fasal 169 (g) Undang-Undang Hukum Syara' (Undang-Undang Bil.1/59) dan hendaklah berjalan kuatkuasanya apakala diisytiharkan didalam Warta Kerajaan. Nama.

2. Peraturan ini hendaklah dipakai kepada perkara-perkara harta pusaka orang-orang Islam, samada yang bermastautin di Negeri ini atau tidak, yang mati didalam keadaan bahawa, menurut syarat-syarat Hukum Syara', hartanya itu atau sebahagian daripadanya, yang ada didalam Negeri ini, samada harta yang bergerak atau yang tidak bergerak, terserah atau kena dibayar kepada Baitul-Mal. Menggunakan peraturan ini.

3. Bahawa Pegawai-Pegawai yang berikutan ini adalah menjadi Pegawai-Pegawai Baitul-Mal:- Lantikan Pegawai-pegawai Baitul-Mal

(i) Yang di Pertua Pejabat Ugama sebagai Nadzir Baitul-Mal,

(ii) Kadi Besar, Kadi-Kadi Daerah sebagai Penolong Nadzir Baitul-Mal.

(iii) Setiausaha Pejabat Ugama sebagai Setiausaha dan Bendahari Baitul-Mal.

(iv) Nadzir boleh melantik kakitangan-kakitangan yang lain, jika dikehendaki, kerana menyempurnakan kerja-kerja Baitul-Mal ini.

4. (i) Tiap-tiap orang yang menjadi Wasi menurut wasiat orang Islam yang mati, dan tiap-tiap orang yang menjadi Kuasa bagi harta pusaka seorang Islam yang mati, hendaklah memberitahu akan hal itu kepada Nadzir Baitul-Mal dengan mengadakan suatu senarai yang benar dan cukup jenis-jenis harta pusaka itu didalam tempuh satu bulan dari tarikh ia mendapat dari mana-mana Mahkamah surat Kuasa yang berwasiat (Probate) atau Surat Kuasa biasa (Letters of Administration), mana-manalah satu yang berkenaan, atau didalam tempuh yang lebih lanjut lagi sebagaimana yang boleh dibenarkan oleh Nadzir Baitul-Mal. Tanggongan Wasi dan Pemegang Kuasa memberitahu.

(ii) Sebarang orang yang berkenaan yang tiada menyempurnakan kehendak-kehendak fasal ini hendaklah bersalah kepada kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada $100, dan didalam perkara yang berkekalan tiada disempurnakan syarat-syarat ini maka suatu denda lagi tidak lebih $50 boleh dikenakan bagi tiap-tiap bulan atau sebahagian daripada sebulan didalam masa syarat-syarat itu masih kekal dilakukan.

(iii) Sesuatu keterangan dari seorang Wasi atau orang yang menjadi Kuasa yang mengatakan bahawa ia tidak mengetahui akan sebarang bahagian daripada harta itu terhak kepada Baitul-Mal tidaklah boleh dijadikan jawab pada menolak tuduhan dibawah syarat ini.

5. (i) Nadzir Baitul-Mal setelah menerima senarai harta pusaka yang diakui itu hendaklah menentukan pembahagian harta itu menurut fara'idh Islam sebagaimana yang dikehendaki dan menyerahkan Surat Akuan pembahagian itu kepada yang berkenaan. Tanggongan Pegawai Baitul-Mal.

(ii) Surat Akuan ini yang juga menentukan hak Baitul-Mal, jika ada, hendaklah disifatkan suatu tuntutan pembayaran hak Baitul-Mal itu.

(iii) Nadzir Baitul-Mal pada bila-bila masapun boleh menjalankan semua, atau sebahagian daripadanya, kuatkuasa yang diberi oleh peraturan Baitul-Mal ini, atau memerintahkan Pegawai-Pegawai Baitul-Mal yang lain supaya menjalankannya.

6. (i) Tiap-tiap Wasi atau orang yang menjadi Kuasa harta pusaka seperti yang tersebut dahulu itu hendaklah membayar kepada Nadzir Baitul-Mal wang yang terhak kepada Baitul-Mal itu didalam tempuh satu bulan dari masa ia menerima Surat Akuan pembahagian harta pusaka itu, atau didalam suatu tempuh yang lebih lanjut sebagaimana yang boleh dibenarkan oleh Nadzir Baitul-Mal dengan bersurat.

Tanggongan Wasi dan Pemegang Kuasa membayar bahagian Baitul-Mal.

(ii) Nadzir Baitul-Mal boleh membenarkan tempuh lagi dengan apa-apa syarat yang patut pada timbangannya dan pemberitahu yang demikian itu boleh diserahkan kepada orang yang berkenaan itu sendiri atau dihantar dengan pos register.

(iii) Sebarang orang yang tiada menyempurnakan kehendak-kehendak syarat-syarat ini hendaklah bersalah kepada kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada $100 dan didalam perkara yang kekal tiada disempurnakan syarat-syarat itu maka suatu denda lagi tidak lebih $50 boleh dikenakan bagi tiap-tiap satu bulan, atau sebahagian daripada satu bulan yang didalam masa syarat-syarat itu masih kekal dilakukan.

7. (i) Nadzir Baitul-Mal berkuasa memanggil dengan saman sebarang orang yang berkenaan dengan pembayaran wang yang terhak kepada Baitul-Mal supaya hadzir di hadapannya, atau sebarang orang yang dipercayai telah mengambil milik atau telah menjalankan kuasa sebarang bahagian daripada harta pusaka seseorang Islam yang mati, atau sebarang orang yang dipercayai ada berhutang kepada orang yang mati itu, atau sebarang orang yang dipercayai boleh memberi keterangan, bagi memberi kenyataan berhubung dengan harta pusaka itu.

Nadzir Baitul-Mal berkuasa memanggil orang-orang dengan saman dan meminta surat-surat.

(ii) Nadzir-Baitul-Mal bolek memeriksa orang yang demikian itu berkenaan dengan tanah atau rumah dan boleh menghendaki ianya mengadakan sebarang surat yang ada didalam kuasanya atau simpanannya berkenaan dengannya itu. Sebarang orang yang dipanggil dengan saman yang demikian itu tetapi tiada hadzir pada waktu yang ditentukan dengan tiada memberi sebab-sebab yang munasabah, atau enggan menjawab, atau menjawab yang tidak benar sebarang pertanyaan berkenaan dengan soal yang dihadapkannya itu, atau enggan mengadakan surat-surat yang tersebut itu, boleh dikenakan suatu denda tidak lebih $100 dan didalam perkara suatu kesalahan yang berkekalan boleh didenda lagi tidak lebih $10 bagi tiap-tiap hari didalam tempuh kesalahan itu kekal dilakukan.

8. Kesalahan-kesalahan yang tersebut di atas ini tidaklah boleh dipakai terhadap Pegawai Perjawatan Kerajaan yang menjadi Kuasa harta pusaka simati itu, akatetapi Pegawai yang menjadi Kuasa yang demikian itu hendaklah membayar kepada Nadzir Baitul-Mal wang yang bersamaan harganya dengan sebarang bahagian daripada harta pusakanya yang terhak kepada Baitul-Mal.

Kecualian kepada Pegawai Perjawatan yang menjadi Kuasa.

9. (i) Sebarang wang yang terhak kepada Baitul-Mal itu boleh dituntut seperti suatu hutang biasa yang patut dituntut dan dibayar kepada Baitul-Mal keatas:- Wang yang terhap kepada Baitul-Mal itu boleh dituntut.

(a) Sebarang Wasi atau orang yang menjadi Kuasa harta pusaka yang berkenaan itu bagi wang yang terhak kepada Baitul-Mal, atau keatas orang penanggongnya.

(b) Sebarang orang yang telah mengambil milik, selain daripada seorang yang betul telah memiliki dengan pembelian yang sah dan telah membayar harganya, atau yang telah menjalankan kuasa sebarang bahagian daripada harta pusaka itu, bagi bahagian yang terhak itu sahaja.

(c) Sebarang orang yang telah mengambil milik diatas sebarang bahagian harta pusaka seperti seorang yang berhak diatas yang demikian itu akan halnya didapati tiada sah kemudiannya sekalipun harta pusaka itu telah dibahagikan dengan perintah Mahkamah.

(d) Sebarang orang yang berhutang kepada orang yang mati itu, bagi seberapa jumlah hutangnya itu.

(ii) Sesuatu keputusan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah diatas seseorang, ataupun lebih dari seorang, didalam perkara yang diatas ini tidak boleh menjadi halangan pada mengadakan suatu pendakwaan keatasnya jika didapati atas qarinah-qarinah yang timbul bahawa hak Baitul-Mal itu ada terlibat.

10. Seorang Wasi atau Kuasa tiada boleh meminta kepada Mahkamah supaya ia dilepaskan daripada tanggongannya melainkan ia telah mendapat suatu surat akuan dari Nadzir Baitul-Mal mengakukan bahawa bahagian yang terhak kepada Baitul-Mal itu telah sempurna dibayar dan tidak ada lagi sebarang bahagian daripada harta pusaka itu yang masih terhutang. Wasi atau Kuasa tiada boleh meminta dilepaskan tanggongannya.

11. (i) Pegawai Tanah hendaklah tidak mengeluarkan perintah berkenaan dengan tanah yang menjadi bahagian harta pusaka bagi seorang Islam yang mati sehingga ia telah puas hati bahawa sebarang bahagian daripada harta pusaka yang terhak kepada Baitul-Mal, jika ada, telah dibayar atau Nadzir Baitul-Mal telah membenarkan bahawa perkara itu telah ditangguhkan menurut syarat yang berikutan itu. Tanggongan Pegawai Tanah berkenaan tanah harta simati.

12. (ii) Jika Nadzir Baitul-Mal telah berpuas hati bahawa bahagian yang terhak kepada Baitul-Mal itu tiada dapat dibayar dengan bersegera maka bolehlah ia membenarkan perkara itu ditangguhkan dengan apa-apa jua syarat yang patut pada timbangannya dan hendaklah mengakukan dengan bersurat yang ianya telah berbuat demikian itu.

12. Kumpulan Wang Baitul-Mal itu hendaklah diuntukan pergunaannya bagi faedah 'Am menurut Hukum Syara' dan yang diluluskan oleh Majlis Ugama Islam. Menggunakan Wang Kumpulan Baitul-Mal.

13. Menjalankan kerja-kerja Baitul-Mal hendaklah menurut aturan peraturan ini dan mengeluarkan belanja-belanjanya menurut keputusan Majlis Ugama Islam yang boleh diberi dengan secara khas didalam sesuatu perkara yang tertentu atau dengan secara 'Am bagaimana yang diluluskan oleh Majlis. Menjalankan kerja Baitul-Mal dan mengeluarkan belanjanya.

14. Suatu surat akuan yang ditandatangani oleh Nadzir Baitul-Mal yang menujukan jumlah wang yang telah dibayar kepada Baitul-Mal hendaklah diterima oleh sebarang Mahkamah sebagai keterangan yang cukup dan sah didalam sesuatu pembahagian daripada harta pusaka yang ada didalamnya hak Baitul-Mal itu. Akuan Nadzir Baitul-Mal diterima menjadi keterangan yang sah.

## APPENDIK 21

Notn. No. 155 dd. 13.9.62

ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW ENECMENT, 1959
(No. 1 of 1959)
UNDANG-UNDANG PERTADBIRAN HUKUM SYARA' BILANGAN 1/1959

Menurut kuatkuasa yang diberi di bawah Bahagian X - Am Bab 169 ceraian (j), (M) dan (p); dan di bawah Bahagian V - Masjid Masjid Fasal 112, ceraian (3) Undang-Undang Pertadbiran Hukum Syara' Bil. 1 Tahun 1959, bahawa adalah Majlis Ugama Islam Negeri Melaka dengan limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong telah membuat peraturan-peraturan bagi mengawal Masjid-Masjid/Surau-Surau/Madrasah-Madrasah/Sekolah-Sekolah Ugama (Rakyat)/Wakaf-Wakaf/Tanah-Tanah Perkuburan dan Harta-Harta yang bersangkutan dengannya seperti di bawah ini:-

1. Adalah Lembaga ini dinamai .......................... Nama dan alamat.

..............................................................

dan alamatnya ialah ..........................................

2. Adapun tujuan-tujuan Lembaga ini ialah untuk mengawal Masjid-Masjid/Surau-Surau/Madrasah-Madrasah/Sekolah-Sekolah Ugama (Rakyat)/Wakaf-Wakaf/Tanah-Tanah Perkuburan dan Harta-Harta yang bersangkutan dengannya mengikut kehendak-kehendak yang termaktub di dalam Undang-Undang Pertadbiran Hukum Syara' Tahun 1959 yang terletak dalam qariah .......................................... iaitu:- Tujuan-tujuan.

(a) Bertanggongjawab atas keselamatan dan perjalanan hal ehwal Masjid-Masjid/Surau-Surau/Madrasah-Madrasah/Sekolah-Sekolah Ugama (Rakyat)/Wakaf-Wakaf/Tanah-Tanah Perkuburan dan Harta-Harta yang bersangkutan dengannya bagi kebaikan masyarakat orang-orang Islam yang di dalam qariahnya.

(b) Membantu Majlis Ugama Islam pada melaksanakan pertadbiran hal ehwal Ugama Islam yang bersangkutan dengan orang-orang Islam di dalam qariahnya.

(c) Memberi galakan kepada ahli-ahli di dalam qariahnya atas semangat bekerjasama bagi kebaikan kawalan Masjid-Masjid/Surau-Surau/Madrasah-Madrasah/Sekolah-Sekolah Ugama (Rakyat)/Wakaf-Wakaf/Tanah Tanah Perkuburan dan Harta-Harta yang bersangkutan dengannya.

(d) Mengadakan kutipan wang khairat kebajikan bagi Masjid-Masjid/Surau-Surau/Madrasah-Madrasah/ Sekolah-Sekolah Ugama (Rakyat)/Wakaf-Wakaf/ Tanah-Tanah Perkuburan yang tersebut bila masa dikehendaki dengan kebenaran dari Majlis Ugama Islam.

3. Lembaga Masjid-Masjid/Surau-Surau/Madrasah-Madrasah/ Sekolah-Sekolah Ugama (Rakyat)/Wakaf-Wakaf/Tanah-Tanah Perkuburan ini akan menjadi sebuah tubuh (A Body Corporate) yang mempunyai kuasa turun-temurun yang kekal mempunyai cap Lembaga yang boleh ditukar, dipecah, diubah dan dibuat semula dari satu masa ke satu masa, jika nampak patut diperbuat yang demikian itu. *Lembaga menjadi sebuah Badan Tubuh.*

4. Bahawa tiap-tiap orang Islam penduduk di dalam qariah itu boleh menjadi ahli Lembaga ini dengan syarat hendaklah terlebih dahulu memenuhi borang yang disediakan oleh Lembaga ini dan ditandatangani olih ahli itu sendiri. *Ahli-ahli.*

5. Adalah ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga ini mengandongi:- *Ahli-ahli Jawatankuasa.*

(i) Seorang Pengerusi.
(ii) Seorang Naib Pengerusi.
(iii) Seorang Setiausaha.
(iv) Seorang Penolong Setiausaha.
(v) Seorang Bendahari.
(vi) Dan tidak lebih dari 18 orang ahli Jawatankuasa.

6. Pegawai-pegawai Masjid (Imam, Khatib, Bilal, Noja dan Mungkim)/Surau-Surau/Madrasah-Madrasah/Sekolah-Sekolah Ugama (Rakyat)/Wakaf-Wakaf/Tanah-Tanah Perkuburan sayugia menjadi ahli Jawatankuasa biasa iaitu selain daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha atau Bendahari. *Pegawai-pegawai Masjid.*

7. (i) Adapun ahli-ahli Jawatankuasa yang tersebut ini hendaklah dipilih didalam mesyuarat agong tahunan. *Lantikan Jawatankuasa.*

(ii) Jika berlaku sesuatu kekosongan didalam ahli-ahli Jawatankuasa ini, maka Jawatankuasa, didalam mesyuaratnya, bolih melantik orang lain bagi mengisi kekosongan itu bagi tahun ini.

8. (i) Pengerusi menjadi pengerusi didalam semua mesyuarat Lembaga ini dan bertanggongjawab tentang ketenteraman dan kesempurnaan mesyuarat itu. Jika undian didalam sesuatu mesyuarat itu semua bilangan ia mempunyai undi pemutus dan akan menandatangani peringatan mesyuarat itu apabila disahkan. *Kuasa ahli-ahli Jawatankuasa.*

(ii) Naib Pengerusi menggantikan Pengerusi dimasa Pengerusi tidak hadir.

(iii) Setiausaha:

(a) Hendaklah mengelolakan kerja-kerja Lembaga dengan mengikut peraturan.

(b) Memanggil mesyuarat Jawatankuasa, mesyuarat tergempar dan mesyuarat tahunan dan menjalankan segala keputusannya.

(c) Hendaklah bertanggongjawab segala surat-menyurat, menyimpan buku-buku dan surat-surat keterangan yang bersangkutpaut dengan Lembaga ini.

(d) Hadir didalam semua mesyuarat dan mengambil peringatan butir-butir dan keputusan mesyuarat.

(e) Menyediakan kenyataan mesyuarat tahunan.

(f) Menyimpan daftar nama ahli-ahli Lembaga.

(g) Pengerusi dan Setiausaha berkuasa menandatangani sebarang surat-surat resmi (Legal documents) bagi pihak Lembaga.

(iv) Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha didalam segala urusan pertadbiran Lembaga ini dan akan menggantikannya pada masa Setiausaha tiada hadir.

(v) Bendahari:

(a) Hendaklah menyimpan buku kira-kira kewangan Lembaga dengan betul.

(b) Menerima segala bayaran kepada Lembaga dengan mengeluarkan penerimaan resip-resip yang diakui oleh Lembaga.

(c) Mengeluarkan bayaran-bayaran yang telah dipersetujukan oleh mesyuarat Jawatankuasa dengan mengadakan baucer-baucer pembayaran yang sah.

(d) Menyediakan penyata kewangan tiap-tiap tahun bagi persidangan mesyuarat agong tahunan.

9. (i) Dua orang yang bukan anggota-anggota Jawatankuasa bolih dipilih olih Lembaga ini didalam mesyuarat-nya bila-bila masa dikehendaki sebagai Pemeriksa Kira-Kira bagi sesuatu tahun. Pemeriksa Kira-Kira.

(ii) Pemeriksa Kira-Kira hendaklah memeriksa buku kira-kira wang Lembaga ini tiap-tiap 6 bulan sekali dan memberi lapurannya yang penuh atas pemeriksaannya.

10. Mesyuarat Jawatankuasa: Mesyuarat Jawatankuasa.

(i) Semua Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga hendaklah dipanggil olih Setiausaha.

(ii) Pengerusi bolih pada bila-bila masapun memerintahkan Setiausaha supaya memanggil mesyuarat Jawatankuasa.

(iii) Sebarang delapan orang ahli Jawatankuasa bolih pada bila-bila masapun meminta dengan bertulis kepada Setiausaha supaya memanggil mesyuarat Jawatankuasa dengan syarat hendaklah mereka memaklumkan kepadanya akan tujuan mengadakan mesyuarat itu.

(iv) Setiausaha hendaklah mengadakan satu mesyuarat dalam masa tujuhhari setelah menerima satu perintah atau permintaan menurut di atas ini.

(v) Sekurang-kurangnya tigahari pemberitahu yang bertulis hendaklah diberi bagi sebarang mesyuarat.

(vi) Tidaklah mustahak diberitahu mesyuarat kepada seorang Jawatankuasa atau ahli yang berada di luar qariah Masjid, bagi sementara.

11. Delapan orang ahli Jawatankuasa menjadi cukup bilangan bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa. Cukup bilangan bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

12. (i) Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah diadakan tiap-tiap tahun selewat-lewatnya selepas tiga bulan cukup kira setahun. Dalam mesyuarat ini penyata kira-kira wang dalam masa setahun yang lalu itu dan lapuran perjalanan Lembaga ini hendaklah dibentangkan. Mesyuarat Agong Tahunan.

(ii) Mesyuarat Agong Tahunan ini berkuasa melantik ahli Jawatankuasa baharu menurut kehendak peraturan Lembaga ini.

13. Cukup bilangan dalam mesyuarat ini ialah satu pertiga daripada jumlah-ahli-ahli didalam daftar atau sekurang-kurangnya 30 orang, mana-mana satu yang terkurang menjadi cukup bilangan. Cukup bilangan Mesyuarat Agong

14. (i) Mesyuarat Agong Luarbiasa bolih diadakan atas permintaan daripada satu pertiga daripada ahli-ahli didalam daftar atau sekurang-kurangnya 30 orang, mana-mana satu yang kurang. Mesyuarat Agong Luarbiasa.

(ii) Dalam tempuh tujuhhari setelah menerima permintaan mesyuarat agong luarbiasa Setiausaha hendaklah mengadakan mesyuarat agong luarbiasa itu. Kehadiran sama seperti mesyuarat agong tahunan.

15. Sebarang pindaan atau tambahan peraturan ini hendaklah diluluskan didalam Mesyuarat Agong dengan undian dua pertiga daripada ahli-ahli yang didalam daftar, atau enam puluh orang mana-mana satu yang terkurang dan hanya berjalan kuatkuasanya setelah mendapat kelulusan daripada Majlis Ugama Islam, Melaka. Pindaan atau tambahan peraturan.

16. Ahli-ahli Jawatankuasa bolih memohon berhenti dengan memberitahu Setiausaha dengan bersurat dalam tempuh satu bulan sebelum hari pemberhentiannya itu. Setiausaha hendaklah membawa perkara permohonan itu bagi persetujuan mesyuarat Jawatankuasa. Ahli Jawatankuasa berhenti.

17. Seorang ahli Jawatankuasa bolih dipecat olih Jawatankuasa didalam mesyuaratnya, tetapi sebarang tuduhan atas kesalahannya hendaklah dikemukakan pada mesyuarat itu dan disiasat terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan itu. Ahli Jawatankuasa bolih dipecat.

18. Jika berlaku sebarang pertelingkahan atau kemuskilan yang tidak dapat diselesaikan olih Lembaga ini maha hendaklah dirujukkan perkara itu kepada Majlis Ugama Islam, Melaka, bagi mendapat panduan dan penjelasannya itu menghabisi. Perkara 'Am.

19. Majlis Ugama Islam, dari satu ke satu masa, jika mendapati bahawa Lembaga Masjid-Masjid/Surau-Surau/Madrasah-Madrasah/Sekolah-Sekolah Ugama (Rakyat)/Wakaf-Wakaf/Tanah-Tanah Perkuburan itu tidak berjalan atau, atas sebarang sebab, tidak dapat dijalankan dengan betul dan baiknya, dan setelah disiasat dengan telitinya akan hal yang demikian itu dan berpuashati bahawa Lembaga itu tidak dapat menjalankan tugasnya lagi, maka Majlis Ugama Islam boleh memansohkan Lembaga itu dan semua hartapunya, jika ada, akan berpindah kepada tadbir Majlis Ugama Islam, atau melantik ahli-ahli baharu bagi Lembaga itu. Pemansohan.